

SET PERALATAN USAHA WAJAR PEREKRUTAN YANG ADIL DAN BERETIKA



Pengenalan kepada Set Peralatan

Bagaimana untuk Menggunakan Set Peralatan

Sumber ini menyediakan panduan praktikal dan peralatan kepada perusahaan perniagaan tentang cara menjalankan usaha wajar hak asasi manusia yang komprehensif berkenaan dengan pekerja migran. Set peralatan ini mengandungi garis panduan yang terpeinci dan cadangan yang praktikal tentang bagaimana untuk mengoperasi proses usaha wajar yang dihuraikan dalam prinsip panduan UN dan Garis Panduan Usaha Wajar OECD untuk Perniagaan yang Bertanggungjawab, seiring dengan Garis Panduan Pekerja Migran untuk Majikan.

SET PERALATAN INI BOLEH MEMBANTU PERUSAHAAN PERNIAGAAN

- **Mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko** terhadap pekerja migran semasa proses migrasi buruh
- **Mengukuhkan** proses usaha wajar mereka dengan peralatan dan templat khusus
- **Mengurus** proses migrasi buruh semasa fasa perekrutan, termasuklah mengurus hubungan perniagaan dengan perekut buruh dan agensi pekerja swasta yang menepatkan pekerja migran.
- **Mematuhi** keperluan undang-undang, polisi pelanggan dan komitmen hak asasi manusia secara sukarela

SET PERALATAN INI ADALAH UNTUK PERUSAHAAN PERNIAGAAN YANG

- Merekrut, mengurus atau menggaji pekerja migran dalam operasi dan rantaian bekalan mereka
- Mendapatkan panduan praktikal tentang cara menjalankan usaha wajar berkenaan dengan menghormati pekerja migran
- Ingin menyelaraskan polisi dan sistem pengurusan pekerja migran mereka dengan piawaian antarabangsa

GAMBARAN KESELURUHAN SET PERALATAN

Alat dalam set peralatan adalah saling berkaitan dan mempunyai ciri interaktif yang akan memberi panduan kepada pengguna kepada proses usaha wajar yang seterusnya atau tindakan sepadan yang disyorkan kepada mereka untuk diambil.

PROSES USAHA WAJAR

Menerapkan prinsip perekrutan yang adil dan beretika dalam dasar dan sistem pengurusan	Mengenalpasti dan menilai kemudarat atau kesan buruk hak asasi manusia dan buruh terhadap pekerja migran	Mencegah dan mengurangkan kemudarat atau kesan buruk hak asasi manusia dan buruh terhadap pekerja migran	Pelaksanaan dan hasil pengesanan	Berkomunikasi bagaimana kesan buruk ditangani	Menyediakan akses kepada pemulihan
--	--	--	----------------------------------	---	------------------------------------



PAKEJ SUMBER IOM UNTUK PERNIAGAAN

Garis panduan pekerja migran untuk majikan

Panduan pemetaan proses migrasi buruh

Garis panduan operasi untuk perniagaan mengenai pemulihan aduan pekerja migran